



MANUAL KHUTBAH JUMAAT


TAJUK :

SAAT KEGEMILANGAN ISLAM



ISLAMIC RELIGIOUS COUNCIL

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"SAAT KEGEMILANGAN ISLAM".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا
الصَّلِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا أَسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ
وَلَيُمَكِّنَ لَهُمْ دِينَهُمُ الَّذِي أَرْتَضَ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ حَوْفِهِمْ أَمْنًا¹

2

...

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى إِلَيْهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.³

3

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ



Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.

5

Pada hari ini khatib mengajak semua hadirin agar menghayati khutbah yang berjudul "**SAAT KEGEMILANGAN ISLAM.**"

6

¹ al-Nur : 55.



Realiti pada hari ini, umat Islam sedang mengalami siri-siri kekalahan, kemusnahan, kehancuran, kematian, penghinaan dan penindasan yang berlanjutan tanpa penghujungnya. Adakah sebegini takdirnya sampai bila-bila yang mesti kita lalui sesuai tuanya dunia ini? Adakah kita memang lebih rendah berbanding umat Islam terawal dan sebelum kita? Jawapannya tidak sama sekali! Segala musibah yang melanda umat Islam pada saat ini hanya bersifat ujian lagi sementara. Sampai masanya, umat Islam akan kembali gemilang. Bahkan menjadi umat Islam pada akhir zaman begitu besar keistimewaannya. Ayuh kita ambil tahu sebahagiannya!

7

Pertama; Khilafah adil akan kembali.

Diriwayatkan dalam sebuah hadis oleh Huzaifah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Zaman kenabian akan terus berlangsung pada kamu sehingga ke tempoh yang dikehendaki Allah, kemudian Dia akan mengangkatnya. Setelah itu akan berlangsung masa khilafah berteraskan kenabian sehingga ke tempoh yang dikehendaki-Nya sebelum diangkat. Selepas itu datang pula masa kerajaan yang saling menggigit sehingga ke tempoh yang dikehendaki-Nya. Menyusul selepas itu datang pula masa penguasa yang mendominasi sehingga ke tempoh yang dikehendaki-Nya. Setelah itu kembali semula masa khilafah berteraskan kenabian." Huzaifah berkata, "Sampai situ, Nabi diam."

8

(Riwayat Ahmad).



Perasan atau tidak, sebenarnya kegemilangan Khilafah Islam yang terakhir iaitu Khilafah Uthmaniyah baru saja berakhir sekitar tahun 1924. Bermakna tidak lebih 100 tahun yang lalu sahaja. Walhal masyarakat Barat yang berbangga dengan tamadun Rom mereka mengambil masa lebih daripada 1000 tahun untuk menjadi seperti sekarang. Empayar Rom jatuh pada tahun 476. Barat bangkit dan membangunkan negera mereka semula sebagai kuasa kolonial sekitar tahun 1770-an.

9

Kedua: Islam akan dikenali setiap manusia

Hadis riwayat Tamim al-Dari Radiallahuanhu, beliau berkata bahawa Nabi SAW pernah bersabda:

لَيَبْلُغَنَّ هَذَا الْأَمْرُ مَا بَلَغَ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ، وَلَا يَتُرْكُ اللَّهُ بَيْتَ مَدْرِّ وَلَا وَبَرٍ
إِلَّا أَدْخَلَهُ اللَّهُ هَذَا الدِّينَ، بِعِزِّ عَزِيزٍ أَوْ بِذُلِّ ذَلِيلٍ

10

"Agama ini akan sampai ke mana-mana tempat yang sampai malam dan siang. Sekali-kali Allah tidak akan membiarkan rumah maupun khemah melainkan Allah akan masukkan ke dalamnya agama sama ada dengan kemuliaan atau kehinaan."

11

(Riwayat Ahmad).

Benarkah pada saat ini, masih ada manusia di sana sini yang belum dengar, apa lagi kenal tentang Islam. Jika begitu, laksanakanlah sebaiknya tanggungjawab dan peranan kita sebagai khalifah di muka bumi ini. Apa yang terjadi di Palestin dari awal hingga kini, menjadi salah satu peristiwa menyebabkan lebih ramai manusia mencari makna Islam yang sebenar.

12



Ketiga: Nabi Isa Alaihissalam turun ke bumi

Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

"Demi jiwaku di tangan-Nya, semakin hampir saat turun kepada kamu Isa bin Maryam sebagai penguasa yang adil. Beliau akan memecahkan salib, membunuh khinzir dan menghapuskan jizyah."

(Riwayat al-Bukhari).

13

Keistimewaan keempat: Umat Islam menjadi umat kaya raya

Hal ini sebagaimana dalam sambungan hadis Nabi Isa turun sebelum ini yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

"...Harta kekayaan pada ketika itu melimpah-ruah sehingga tiada seorangpun yang mengambilnya. Sehingga satu sujud lebih baik daripada dunia dan seisinya."

(Riwayat al-Bukhari).

14

Menurut Qadhi Iyad dalam *Syarh Muslim*, maksudnya pahala sujud adalah lebih baik daripada pahala sedekah walaupun sebanyak dunia dan seisinya. Hal ini kerana pada ketika itu kekayaan begitu melimpah, sehingga tiada lagi orang yang tamak haloba dan tiada lagi jihad yang memerlukan sumbangan.

15



Tidak cukup dengan berita-berita kejayaan besar, keistimewaan-keistimewaan yang bersifat maknawi berikut pula boleh jadi lebih besar maknanya untuk diri kita;

Kelima: Boleh mendapat mimpi benar.

Hadis riwayat Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

16

"Apabila kiamat semakin dekat, mimpi seorang Mukmin menjadi seakan-akan tidak berdusta lagi. Orang yang paling benar mimpinya ialah orang yang paling jujur kata-katanya. Mimpi seorang Muslim ialah sebahagian daripada 45 bahagian kenabian."

(Riwayat Muslim).

Keenam: Nabi SAW mengakui cinta kita.

Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Nabi SAW mengisyiharkan:

17

مِنْ أَشَدِ أُمَّتِي لِي حُبًا نَاسٌ يَكُونُونَ بَعْدِي يَوْمٌ أَحَدُهُمْ لَوْرَانِي بِأَهْلِهِ وَمَالِهِ

"Umatku yang paling mencintaiku ialah suatu kelompok yang datang selepasku nanti. Ada antara mereka sampai berangan-angan untuk melihat aku walaupun dengan menggadai ahli keluarga dan harta bendanya."

18

(Riwayat Muslim).



Ketujuh: Nabi SAW merindui kita.

Dalam hadis riwayat Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Nabi SAW pernah bersabda yang bermaksud:

"Aku teringin kalau dapat berjumpa dengan teman-temanku". Sahabat pun membalas, "Bukankah kami teman-temanmu wahai Rasulullah?" Lalu Nabi menjawab, "Kamu sahabatku. Temanku ialah mereka yang belum ada lagi sekarang."

19

(Riwayat Muslim).

Kelapan: Sahabat Nabi mengagumi iman kita

Abdul Rahman bin Yazid Radiallahuanhu berkata:

"Suatu hari kami duduk bersama Abdullah bin Mas'ud. Kami berbincang tentang sahabat Nabi dan jasa-jasa mereka." Lantas beliau berkata, "Sungguh hal Muhammad sebenarnya begitu jelas bagi sesiapa yang melihatnya. Namun sungguh, tiada orang yang lebih baik imannya daripada orang yang beriman secara ghaib." Beliau pun membaca ayat 1 hingga 3 surah al-Baqarah.

20

(Riwayat al-Hakim).

Kitalah orang yang beriman dengan Nabi secara ghaib yakni tanpa melihat susuk tubuh Baginda SAW. Bahkan dalam riwayat lain.



Kesembilan: Nabi Saw mengagumi iman kita

Diriwayatkan suatu hari sahabat bertanya:

"Wahai Rasulullah, adakah terdapat orang yang lebih besar pahalanya daripada kami? Kami beriman denganmu dan mengikutimu?" Nabi membalas, "Maka apa yang boleh menghalang kamu lagi sedangkan Rasulullah ada dalam kalangan kamu dan wahyu dari langit turun secara langsung kepada kamu. Bahkan ada kaum yang datang selepas kamu, mereka menerima al-Quran dalam bentuk kitab namun mereka tetap beriman dan beramal dengannya. Merekalah orang yang lebih besar pahala daripada kamu. Merekalah orang yang lebih besar pahala daripada kamu."

21

(Riwayat al-Tabarani).

Masya-Allah! Demikian sebahagian keistimewaan yang Allah peruntukkan kepada kita yang hidup pada akhir zaman. Tinggal lagi sama ada kita mahu mengambil peluang atau tidak. Ammar bin Yasir Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Nabi SAW pernah bersabda:

"Umatku seperti hujan. Tidak diketahui mana yang paling baik, yang awal atau yang akhir."

22

(Riwayat al-Tirmizi).

Lalu apa lagi alasan untuk kita tidak bersemangat dan melakukan yang terbaik dalam hidup ini?



Mengakhiri khutbah, mari kita rangkumkan dengan rumusan-rumusan berikut:

1. Umat Islam hendaklah yakin akan janji-janji Allah SWT, bersabar dan terus menuntut ilmu dari guru mursyid, melakukan amal soleh dan jangan terlibat dengan perkara yang membawa fitnah.
2. Sebagai umat Islam, berpeganglah dengan akidah dan keyakinan yang benar, bersyariat dengan betul dan berakhlak mulia dalam kepelbagaian dan cabaran semasa dan mendatang.
3. Jadikan diri kita sentiasa takutkan Allah SWT dan sentiasa mengharap kepada-Nya demi kejayaan di dunia dan di hari pembalasan.

23

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَرَضَّى بِهَا إِبْرَاهِيمُ بْنِيْهِ وَيَعْقُوبُ يَبْنِيْهِ إِنَّ اللَّهَ أَصْطَفَ لَكُمْ
الَّذِينَ فَلَّا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ (١٣٢)

24

"Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya, dan (demikian juga) Nabi Yaakub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya: "Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam."

25

(Surah al-Baqarah : 132).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ
الْعَلِيْمُ.

30



أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ

31

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ أَشْهُدُ أَنْ لَا

1

إِلَهٌ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْلَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

2

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يِ تَنْتَقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

3

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

4

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتُهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ

5

وَسَلَّمُوا تَسْلِيْمًا ﴿٦﴾

الْلَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

6

Kekejaman di Palestin sangat menuntut erti persaudaraan Islam yang kuat dan keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT. Untuk itu mimbar menyeru agar semua umat Islam terus berdoa kepada Allah SWT dalam setiap solat lima waktu agar keamanan dan kesejahteraan dikecapi oleh saudara kita dan tanah mereka yang dirampas dapat dikembalikan menjadi hak mereka semula.

7

الْلَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِبِّ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

8



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَ وَالْمُبْتَدَعَةَ
وَالْمُشْرِكِينَ.

9

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِيَّتِ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ
وَقَاتِلَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،

10

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُور، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ
شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ.

11

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ
عَهْدِ سلاْغُور، تَعْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ،

12

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ
أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

13

اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُنْتَقِمُ يَا جَبَّارُ، اللَّهُمَّ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، اللَّهُمَّ إِنَّا
نَشْهَدُ أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ، الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، الْأَحَدُ الصَّمَدُ، الَّذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ
يُولَدْ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ.

14



اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ، الَّذِينَ قَاتَلُوا إِخْرَانَا الْمُسْلِمِينَ فِي فِلَسْطِينَ ،
اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ ، اللَّهُمَّ شَتِّ شَمْلَهُمْ وَفَرِقْ جَمْعَهُمْ
وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ، اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عَدَدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدَدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ
أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ عَاوَنَهُمْ، بَأْسَكَ الَّذِي لَا يُرْدُ عَنِ الْقَوْمِ
الظَّالِمِينَ.

15

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْرَانَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فِلَسْطِينَ . X

16

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

17

Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

18

اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُتَّقِمُ يَا جَبَّارُ، اللَّهُمَّ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، اللَّهُمَّ إِنَّا
نَشْهَدُ أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ، الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَلَّاَحُدُ الصَّمَدُ، الَّذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ
يُولَدْ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ.

19



<p>اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْهُدُوْدِ الْمُعْتَدِيْنَ، الَّذِيْنَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِيْنَ فِي فِلَسْطِيْنَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتِّ شَمْلَهُمْ وَفَرِقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ، اللَّهُمَّ أَحْصِبِهِمْ عَدَادًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدَادًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ عَاوَنَهُمْ، بَأْسَكَ الَّذِي لَا يُرَدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِيْنَ.</p>	20
<p>اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُجَاهِدِيْنَ وَالْمُسْتَضْعِفِيْنَ فِي فِلَسْطِيْنِ. 2X</p>	21
<p>Ya Allah Ya Tuhan kami! Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum muslimin yang ditindas di bumi Palestin dan di mana sahaja mereka berada. Ya Allah! sayangi dan kasihilah mereka, keluarkanlah mereka dari penindasan serta kesempitan yang mereka alami selama ini. Ya Allah! Dengan kuasa-Mu Ya Allah, jadikanlah sebab perjuangan dan doa kami semua, kau kembalikan tanah mereka yang dirampas. Kau hapuskanlah kezaliman yang ada di muka bumi ini.</p>	22
<p>Berikanlah keadilan kepada mereka yang dianaya serta dizalimi. Ya Allah! Anugerahkanlah kemenangan kepada saudara kami kaum muslimin di Palestin. Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan serta kesabaran menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Binalah semula keamanan di bumi Palestin dan kembalikannya ke pangkuan kaum Muslimin.</p>	23



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَاءِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِطْ عَلَيْهِمْ كُلُّاً مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا جَبَّارُ، يَا مُنتَقِمُ، يَا اللَّهُ.</p>	24
<p>اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمْ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمْهُمْ، إِهْزِمْهُمْ، وَانْصُرْ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.</p>	25
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، ادْفِعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادِ وَالْمِحَنَّ، بِلْطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	26
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتَنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَاماً. رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٦﴾.</p>	27
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾</p>	28
<p>فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	29